

Model Promosi Ibu Kota Buku Dunia Unesco

MARINI AZAHRI,

JAMAIAH YAHAYA

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600
Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

ABSTRAK

Bandar yang dianugerahkan dengan gelaran Ibu Kota Buku Dunia Unesco (WBC) diiktiraf sebagai sebuah bandar yang konsisten melaksanakan acara-acara perbukuan dan sastera. Unesco sentiasa mendorong bandar-bandar WBC menggunakan sebaik-baiknya gelaran tersebut bagi memupuk budaya membaca dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kadar literasi, serta bagi mempromosi pelancongan dengan cara menarik perhatian pelancong dari dalam dan luar negara terhadap warisan sastera negara. Ketiadaan model rujukan yang sesuai diadaptasi atau dijadikan panduan dalam melaksanakan promosi bandar WBC mengurangkan keberkesanan promosi bandar WBC. Oleh itu objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti elemen promosi yang penting untuk mempromosi bandar WBC, membangun model promosi bandar WBC dan mengesah model promosi melalui prototaip. Skop kajian ini terhad kepada konteks program KLWBC 2020 atau bandar Kuala Lumpur, Malaysia sebagai bandar ke-20 yang memegang gelaran bandar WBC. Metodologi kajian merangkumi kajian teoritikal, kajian empirikal, pembangunan model promosi, reka bentuk serta pembangunan prototaip, dan penilaian. Elemen promosi yang penting untuk mempromosi bandar WBC dikenal pasti melalui soal selidik terhadap penggiat industri buku, pakar pembangunan aplikasi mudah alih, dan pelancong. Kaedah analisis berdasarkan tema digunakan bagi membangun model promosi untuk mempromosi bandar WBC yang dinamakan sebagai model M-WBC. Model M-WBC disahkan melalui prototaip aplikasi mudah alih yang dinamakan KLWBC2020. Aplikasi KLWBC2020 dibangun berpandukan model M-WBC. Pengguna prototaip terdiri daripada pihak pengurusan dan pelaksanaan KLWBC 2020, profesional IT, pendidik, dan orang awam. Responden bagi soal selidik dan pengguna bagi prototaip dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Hasil kajian ini merangkumi dua perkara iaitu ; i) Model M-WBC yang mengandungi dua puluh (20) elemen promosi yang penting untuk mempromosi bandar WBC. Model yang dicadangkan ini dapat menjadi panduan kepada bandar-bandar WBC dalam melaksanakan promosi; ii) Prototaip aplikasi mudah alih KLWBC2020 yang dapat menjadi panduan kepada bandar-bandar WBC yang memilih teknologi aplikasi mudah alih sebagai instrumen promosi.

Kata kunci: Ibu Kota Buku Dunia Unesco, WBC, KLWBC 2020, Model Promosi, Aplikasi Mudah Alih.

ABSTRACT

A city that hold Unesco World Book Capital (WBC) title recognized as a city that consistently organises and runs a large number of events around books, literature and reading. Unesco has always encouraged WBC cities to use the title to raise awareness for literacy and the overall benefits of a lively book culture, as well as to promote tourism and draw national and international attention to the literary heritage of a city and nation. The absence of reference model that can be used as a guideline reduces the effectiveness in promoting WBC city. Thus, the objective of this study is to identify the elements of promotion that essential in promoting WBC city, to propose a promotion model for WBC city and to validate the proposed model using prototype. The scope of this study is limited to the context of KLWBC 2020 programme or Kuala Lumpur town in Malaysia as the twentieth city that hold the title. The methodology of this study consist of theoretical study, empirical study, promotion model development,

prototype design and development, and evaluation. The elements of promotion that essential in promoting WBC city are identified through questionnaires that are responded by book industry players, mobile app development experts, and tourists. Thematic analysis method is used to develop a promotion model for WBC city, which is then named as M-WBC model. The proposed model is validated using mobile application prototype named KLWBC2020. The KLWBC2020 prototype is developed based on the M-WBC model. Prototype's users consist of the management and implementation of KLWBC 2020, IT professionals, teachers, and the public. Respondents for the questionnaires as well as prototype's users are selected through a purposive sampling method. The results of this study comprises; i) M-WBC model comprising twenty (20) elements of promotion that essential in promoting WBC city. M-WBC model can be a guide for WBC cities in promoting their cities; ii) KLWBC2020 app as a prototype which is can be refered by WBC cities that choose mobile application as promotion tools.

Keywords: *Unesco World Book Capital, WBC, KLWBC 2020, Promotion Model, Mobile Application.*

PENDAHULUAN

Gelaran Ibu Kota Buku Dunia Unesco (Unesco World Book Capital) atau ringkasannya WBC dianugerahkan kepada bandar-bandar yang diiktiraf komited dalam membudayakan sikap membaca dan cintakan ilmu. Jawatankuasa Penasihat program WBC dinaungi oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco). Setiap tahun, Unesco bersama delegasi daripada Persatuan Penerbit Antarabangsa (International Publishers Association atau IPA) dan Persekutuan Persatuan Perpustakaan Antarabangsa (International Federation Library Association atau IFLA) akan memilih satu bandar yang layak dinobatkan sebagai bandar WBC. Sehingga tahun 2020, dua puluh (20) buah bandar telah dinobatkan dengan gelaran WBC iaitu Madrid, Sepanyol (2001), Alexandria, Mesir (2002), New Delhi, India (2003), Antwerp, Belgium (2004), Montreal, Canada (2005), Turin, Itali (2006), Bogota, Colombia (2007), Amsterdam, Belanda (2008), Beirut, Lubnan (2009), Ljubljana, Slovenia (2010), Buenos Aires, Argentina (2011), Yerevan, Armenia (2012), Bangkok, Thailand (2013), Port Harcourt, Nigeria (2014), Incheon, Korea Selatan (2015), Wroclaw, Poland (2016), Conakry, Republic of Guinea (2017), Athens, Greece (2018), Sharjah, UEA (2019), dan Kuala Lumpur, Malaysia (2020).

Matlamat Unesco melaksanakan program WBC adalah bagi menjadikan proses pembacaan dan perbukuan sebagai asas meningkatkan kualiti peradaban sosial dan tamadun minda negara bangsa (UPM, 2020). WBC sangat signifikan kepada sesebuah negara kerana ia bukan sahaja berkaitan dengan sektor pendidikan malah menyumbang kepada sektor pelancongan. Selain daripada proses pembudayaan ilmu dan memudahkan akses perbukuan, gelaran WBC juga digunakan bagi mempromosi pelancongan dan menarik perhatian masyarakat dalam dan luar negara terhadap warisan sastera negara tersebut (IPA, n.d.). Oleh sebab itu, Jawatankuasa Penasihat WBC sangat menggalakkan bandar-bandar yang dinobatkan sebagai bandar WBC melaksanakan pelbagai promosi bagi menonjolkan identiti bandar tersebut sebagai “bandar buku” seterusnya meningkatkan kadar literasi (celik huruf) dan budaya membaca di kalangan masyarakat.

Kajian oleh West dan Chew (2014) yang terkandung dalam Laporan Unesco tahun 2014 menunjukkan di negara-negara membangun, banyak kempen literasi dan budaya membaca berjaya dilaksanakan dengan penggunaan teknologi aplikasi mudah alih. Dari aspek pelancongan pula, terdapat sebilangan bandar buku yang turut menggunakan aplikasi mudah alih bagi tujuan promosi. Berdasarkan kajian susastera dan carian di platform pengedaran digital Apple Store dan Google Play Store, terdapat beberapa aplikasi mudah alih yang bertemakan bandar buku. Contohnya aplikasi mudah alih “READFORLIFE” yang dibangunkan bagi mempromosi Bangkok sebagai Ibu Kota Buku Dunia Unesco ke-13 dan “City of Lit” iaitu aplikasi yang dibangunkan bagi mempromosi bandar Iowa sebagai Kota Sastera Unesco ke-2. Trend teknologi hari ini juga menunjukkan teknologi aplikasi mudah alih sememangnya memberi impak yang besar kepada pelbagai sektor termasuk sektor pendidikan dan pelancongan. Menurut Hinze dan Bainbridge (2016), teknologi navigasi dan penentuan lokasi secara elektronik telah menjadi elemen utama dalam dunia pelancongan dan banyak aplikasi mudah alih yang mempunyai keupayaan ini. Samsiah dan Azidah (2013) pula mengaitkan faktor pertumbuhan ketara antara teknologi tanpa wayar (wireless) dan aplikasi mudah alih telah mencetuskan perubahan dalam proses penyampaian pengetahuan melalui pembelajaran digital iaitu daripada

pembelajaran jarak jauh (dLearning) kepada pembelajaran elektronik (e-Pembelajaran) dan akhirnya kepada model pembelajaran mudah alih (m-Learning).

SOROTAN KAJIAN

Model promosi terdapat dalam pelbagai bidang kajian. Kajian susastera menggunakan kaedah konsep sentrik mengikut Webster dan Watson (2002) iaitu dengan memfokuskan kepada konsep model promosi dalam pelbagai bidang. Kajian dimulakan dengan menetapkan garis panduan iaitu tumpuan kajian adalah kepada model promosi dalam bidang pelancongan, kesihatan, pendidikan, pengurusan perniagaan dan tadbir urus Kerajaan.

Dalam bidang pelancongan kreatif, kajian oleh pasukan penyelidik di Universiti Iowa, Amerika Syarikat telah mencadangkan satu rangka kerja bagi mempromosi Iowa sebagai Kota Sastera Unesco 2008. Salah satu komponen dalam rangka kerja tersebut ialah model City Of Lit iaitu model aplikasi mudah alih sebagai salah satu instrumen promosi. Andes et al. (2011) merumuskan bahawa multimedia adalah elemen utama dalam City of Lit manakala kandungan aplikasi pula memfokuskan kepada maklumat berkaitan penulis sastera, karya-karya sastera dan lokasi-lokasi berkaitan sastera, bertepatan dengan gelaran Kota Sastera Unesco yang diterima oleh Iowa pada tahun 2008. Hsieh et al. (2012) pula menjelaskan City of Lit dibangunkan untuk platform iOS tetapi penyelidikan masa hadapan akan mengkaji platform-platform lain seperti android agar aktiviti mempromosi Iowa sebagai bandar buku dan sastera dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dalam bidang yang sama (pelancongan kreatif), Han (2016) menerapkan model Quality Function Development (QFD) dalam kajiannya dan mencadangkan model yang menggabungkan teknologi aplikasi mudah alih dan augmented reality (AR) bagi mempromosi bandar yang diiktiraf sebagai bandar warisan atau bandar bersejarah. Kajian tersebut menjadikan bandar Dublin, Ireland sebagai kajian kes atas reputasinya sebagai bandar yang kaya dengan warisan bersejarah.

Dalam bidang kesihatan, kajian oleh Mei, Ching, dan Chiou (2015) mencadangkan model EPCOR bagi mempromosi kerangka Evidence-Based-Nursing (EBN) yang menjadi asas penting kepada amalan kejururawatan yang praktikal dan berkesan. Kajian oleh Baker et al. (2001) pula mencadangkan Restorative Care Model, satu model yang mempromosi dan memperkenalkan sistem pengurusan dan penjagaan kesihatan warga emas di rumah. Dalam bidang pendidikan, kajian oleh Brent et al. (1999) mencadangkan model SUCEED untuk kolej-kolej kejuruteraan bagi mempromosi sistem pengajaran yang efektif di kolej tersebut melalui program pembangunan fakulti yang berkesan. Daniela-Maria Cretu (2014) dalam kajiannya yang bertujuan mempromosi kepentingan aspek motivasi dalam pembelajaran akademik menggunakan model MUSIC bagi melaksanakan kajian dan pemerhatian terhadap tahap motivasi pelajar.


Dalam bidang pengurusan perniagaan pula, kajian oleh Asep Id Hadiana (2018) mencadangkan model SEO bagi mempromosi perniagaan kecil dan sederhana di Bandung Barat dan membolehkan perniagaan tersebut bersaing dengan perniagaan besar dengan meningkatkan kebolehlihatan dan ketampakan (visibility) perniagaan tersebut pada enjin carian internet. Dalam bidang tadbir urus Kerajaan, kajian Bolívar dan Meijer (2016) membangun model untuk mempromosi konsep Kerajaan Pintar dengan menambah baik model Kerajaan Pintar (smart government) sedia ada secara menyisih pertindanan elemen serta menambah elemen baharu yang dikenal pasti melalui kajian empirik..

METODOLOGI

Metodologi kajian ini terdiri daripada lima (5) fasa iaitu fasa kajian teoritikal, fasa kajian empirikal, fasa pembangunan model promosi, fasa reka bentuk dan pembangunan prototaip dan fasa penilaian.

Fasa 1 : Kajian Teoritikal

Fasa pertama menumpukan kepada kajian teori, kajian susastera dan proses pembangunan model konsep. Hasil kajian fasa pertama meliputi masalah kajian, objektif kajian, skop kajian serta model konsep M-WBC yang dicadangkan sebagai model promosi untuk mempromosi bandar WBC. "M" merujuk kepada negara Malaysia manakala "WBC" merujuk kepada Unesco World Book Capital iaitu gelaran Ibu Kota Buku Dunia Unesco. Model konsep M-WBC yang menggambarkan model promosi Ibu Kota Buku Dunia Unesco adalah seperti di Rajah 1.



Rajah 1 : Model Konsep M-WBC

Fasa 2 : Kajian Empirikal

Fasa ke-2 dilaksanakan bagi memenuhi objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti elemen-elemen promosi yang penting untuk mempromosi bandar WBC. Elemen-elemen yang dimaksudkan ini dikenal pasti melalui penilaian terhadap elemen-elemen dalam model konsep M-WBC yang dibangunkan di fasa pertama. Penilaian dilaksanakan oleh dua (2) orang penggiat industri buku, tiga (3) orang pakar pembangunan aplikasi mudah alih, dan dua (2) orang pelancong. Penilaian menggunakan kaedah soal selidik. Proses penilaian melibatkan pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan bertujuan, pembinaan instrumen soal selidik, pengesahan dan pelaksanaan soal selidik, kajian rintis dan analisis dapatan soal selidik. Elemen promosi yang penting bagi mempromosi bandar WBC yang dikenal pasti melalui kajian empirikal adalah sebanyak 20 elemen seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Elemen Promosi Bandar WBC

Kod	Elemen Utama Untuk Promosi WBC
E1	Maklumat Am WBC
E2	Maklumat Perhubungan (Seketariat WBC)
E3	Logo Bandar WBC
E4	Maklumat Bandar WBC
E5	Koleksi Gambar
E6	Koleksi Audio
E7	Koleksi Video
E8	Program
E9	Kembara Buku (<i>Book Trail</i>)
E10	Senarai Penulis Pilihan
E11	Lokasi Perpustakaan
E12	Lokasi Kedai Buku
E13	Lokasi Kafe Buku
E14	Lokasi Zon Mesra Pembaca
E15	Peta Tanda (Lokasi Perbukuan)
E16	Peta Tanda Foto (Lokasi Perbukuan)
E17	Berita
E19	Perkongsian Media Sosial
E20	Pilihan Bahasa
EB1	Medium Aduan Pantas

Fasa 3 : Pembangunan Model Promosi

Fasa ke-3 dilaksanakan bagi memenuhi objektif kedua kajian iaitu membangun model promosi Ibu Kota Buku Dunia Unesco. Berpandukan dapatan analisis terhadap kajian empirikal di fasa ke-2, elemen-elemen promosi yang telah dikenal pasti dibangun sebagai komponen-komponen dalam model promosi bandar WBC (model M-WBC) menggunakan kaedah analisis berdasarkan tema yang diadaptasi daripada kajian Kamarul Azmi (2012).

Fasa 4 : Reka Bentuk dan Pembangunan Prototaip


Fasa ke-4 dilaksanakan bagi memenuhi objektif ketiga kajian iaitu mengesah model promosi Ibu Kota Buku Dunia Unesco melalui prototaip. Pembangunan prototaip aplikasi mudah alih yang dinamakan sebagai KLWBC2020 menggunakan model M-WBC yang dibangun serta mengikut skop kajian iaitu berdasarkan konteks Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020) dan dihadkan untuk peranti yang menggunakan sistem pengoperasian android. Metodologi *Mobile Application Development Cycle* (MADLC) menjadi panduan dalam pembangunan prototaip. Hasil pelaksanaan fasa ke-4 menghasilkan carta alir, gambarajah *use case*, papan cerita dan prototaip aplikasi KLWBC2020 dalam format APK (*Android Application Package*).

Fasa 5 : Penilaian

Fasa ke-5 menumpukan kepada penilaian model M-WBC melalui prototaip aplikasi KLWBC2020 bagi mengesah model yang dibangun. Penilaian menggunakan Borang Penilaian Pengguna sebagai instrumen penilaian dan tiga puluh (30) orang responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Soalan penilaian dan kaedah penilaian mengadaptasi kaedah penilaian kebolehgunaan secara penilaian metrik seperti yang dilaksanakan oleh Aliff dan Gamal Abdul Nasir (2016) dan Sazrol (2018). Selanjutnya, Laporan Projek dihasilkan sebagai dokumentasi kajian.

MODEL YANG DICADANGKAN (MODEL M-WBC)

Model cadangan iaitu Model M-WBC dibangun berpandukan kepada dapatan kajian susastera dan empirikal. Elemen-elemen promosi bandar WBC yang dikenal pasti melalui kajian empirikal dipetakan sebagai komponen-komponen model M-WBC menggunakan kaedah analisis berdasarkan tema. Kaedah analisis berdasarkan tema digunakan bagi membina model yang mempunyai komponen-komponen yang saling berhubung. Model M-WBC yang dibangun seperti di Rajah 2.




Rajah 2 : Model M-WBC

Berdasarkan Rajah 2, terdapat lapan komponen utama dalam model M-WBC iaitu "Pengenalan", "Lokasi Perbukuan", "Galeri", "Perkongsian Media Sosial", "Pilihan Bahasa", "Berita", "Program"

dan “Medium Aduan Pantas”. Komponen “Pengenalan” mempunyai empat sub komponen iaitu “Maklumat Am WBC”, “Logo Bandar WBC”, “Maklumat Bandar WBC”, dan “Maklumat Perhubungan (Sekretariat WBC)”. Komponen “Lokasi Perbukuan” mempunyai lima sub komponen iaitu “Lokasi Perpustakaan”, “Lokasi Kedai Buku”, “Lokasi Kafe Buku”, “Lokasi Zon Mesra Pembaca” dan “Kembara Buku (Book Trail)”. Komponen “Peta” yang mempunyai sub komponen “Tanda Lokasi” dan “Tanda Foto” adalah komponen yang menyokong keseluruhan sub komponen dalam komponen utama “Lokasi Perbukuan”. Komponen “Galeri” mempunyai empat sub komponen iaitu “Koleksi Gambar”, “Koleksi Video”, “Koleksi Audio” dan “Senarai Penulis Pilihan”.

KEPUTUSAN PENILAIAN MODEL

Model M-WBC yang dicadangkan telah dinilai dan disahkan melalui prototaip aplikasi mudah alih KLWBC2020. Prototaip aplikasi KLWBC2020 telah diguna dan dinilai oleh tiga puluh (30) orang pengguna menggunakan Borang Penilaian Pengguna. Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan, prototaip aplikasi KLWBC2020 telah mendapat penilaian yang positif daripada pengguna. Rumusan ini adalah berdasarkan kepada peratusan pengguna yang memilih Skor 3 (Setuju) dan Skor 4 (Sangat Setuju) bagi setiap soalan penilaian yang dikemukakan. Rumusan ini dapat dijelaskan melalui carta pai dalam Rajah 3.



Rajah 3 : Peratusan Pengguna Yang Memilih Skor 3 dan Skor 4

Berdasarkan Rajah 3, semua soalan mencapai peratusan penuh (100%) kecuali soalan kod S12 yang mendapat peratusan sebanyak 98%. Daripada 15 soalan yang dikemukakan dalam instrumen penilaian, sebanyak 14 soalan menunjukkan 100% pengguna bersetuju. Secara keseluruhannya, kaedah penilaian kebolegunaan secara penilaian metrik yang digunakan mendapati prototaip aplikasi KLWBC2020 mendapat penilaian yang positif daripada pengguna seterusnya mengesah model M-WBC yang dibangun.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai tiga (3) objektif yang ditetapkan seperti berikut :

Objektif 1 : Mengenal Pasti Elemen Promosi Yang Penting Untuk Mempromosi WBC

Objektif ini tercapai melalui analisis data empirikal. Dapatan analisis kajian empirikal terhadap model konsep M-WBC telah mengenal pasti dua puluh (20) elemen promosi yang penting untuk mempromosi bandar WBC.

Objektif 2 : Membangun Model Promosi Ibu Kota Buku Dunia Unesco

Kajian ini telah membangunkan model promosi Ibu Kota Buku Dunia Unesco yang dinamakan sebagai model M-WBC dengan lapan komponen utama iaitu “Pengenalan”, “Program”, “Lokasi Perbukuan”, “Galeri”, “Berita”, “Pilihan Bahasa”, “Perkongsi Media Sosial”, dan “Medium Aduan Pantas”.

Objektif 3 : Mengesah Model Melalui Prototaip

Kajian ini telah mengesah model promosi Ibu Kota Buku Dunia Unesco melalui prototaip aplikasi mudah alih KLWBC 2020. Peratusan penuh yang ditunjukkan oleh hasil penilaian menunjukkan penilaian yang positif terhadap prototaip dan model M-WBC yang dibangun.

RUJUKAN

- A S Hornby. 2010. Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English. Edisi ke-8. Oxford : Oxford University Press.
- Aliff Nawi & Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2016. Pembangunan dan penilaian portal IBL di Politeknik Brunei. *Jurnal Komunikasi* 32(1):415–444.
- Andes, D., Cremer, J., Draxler, B., Dudley, N., Haldeman, L., Hsieh, H., Likarish, P., Nguyen, D. T., Sarneli, C., Winet, J. 2011. UCOL - Iowa City UNESCO City of Literature mobile application research & development. *ACM International Conference Proceeding Series*, hlm. 636-637.
- Arbai’e Sujud & Madiawati Mamat. 2011. “Perkara” (matter) dalam perisian cerita Unggas 1 : Dari perspektif model persepsi estetika. *Jurnal Pengajian Melayu* 22(1):45-65.
- Baker, D. I., Gottschalk, M., Eng, C., Weber, S. & Tinetti, M. E. 2001. The design and implementation of a restorative care model for home care. *Journal of Gerontologist* 41(2):257-263.
- Bhasin, S., Choudhury, T., Gupta, S. C. & Kumar, P. 2017. Smart city implementation model based on IoT. *Proceedings of the 2017 International Conference On Big Data Analytics and Computational Intelligence (ICBDACI)*, hlm. 211-216.
- Bolívar, M. P. R. & Meijer, A. J. 2016. Smart Governance: Using a literature review and empirical analysis to build a research model. *Social Science Computer Review* 34(6):673–692.
- Brent, R., Felder, R. M., Hirt, D., Switzer, D. & Holzer, S. 1999. A model program for promoting effective teaching in colleges of engineering. *ASEE Annual Conference Proceedings*, hlm. 191–202.
- Cretu, D.-M. 2015. A model for promoting academic motivation. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, hlm. 751–758.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. n.d. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my/> [1 Januari 2020].
- Malaysia, Perbahasan Dewan Negara, Bacaan Ketiga, 25 April 2019 (Muhamad Bin Mustafa).
- Fixsen, D. L., Naoom, S. F., Blase, K. A., Friedman, R. M. & Wallace, F. 2005. *Implementation Research : A Synthesis of The Literature*. Florida : Florida Mental Health Institute Publication.
- GAMMA. (2020). <https://gamma.malaysia.gov.my/#/home> [2 February 2020].
- Hadiana, A. I. 2018. Model search engine optimization bagi usaha mikro kecil dan menengah (UMKM) di Bandung Barat. *Jurnal Masyarakat Informatika Unjani(JUMANJI)* 02(01): 31–38.
- Han, D.-I. 2016. The development of a quality function deployment (QFD) model for the implementation of a mobile augmented reality (AR) tourism application in the context of urban heritage tourism. Tesis Dr. Fal, Manchester Metropolitan University.

- Hasanuddin Othman. 2014. Kajian representasi imej pelancongan Diraja di Kuala Kangsar, Perak. Conference Proceedings of Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS), hlm. 25-43.
- Hinze, A. & Bainbridge, D. 2016. Location-triggered mobile access to a digital library of audio books using Tipple. *International Journal on Digital Libraries* 17(4):339–365.
- Hittmár, Š., Varmus, M. & Lendel, V. 2014. Proposal of model for effective implementation of innovation strategy to business. *Proceedings of Social and Behavioral Sciences*, hlm. 1194–1198.
- Hsieh, H., Draxler, B., Dudley, N. J. & Winet, J. 2012. The “City of Lit” digital library: A case study of interdisciplinary research and collaboration. *Proceedings of the ACM/IEEE Joint Conference on Digital Libraries*, hlm. 203-212.
- International Publishers Association (IPA). (n.d.). World Book Capital cities. <https://www.internationalpublishers.org/our-industry/world-book-capital-cities> [1 August 2019].
- Irwan Hidayat. 2019. Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 : Pengiktirafan berganda selaras wawasan 2020. <https://www.pendidik.com.my/2019/03/04/kuala-lumpur-ibu-kota-buku-dunia-2020pengiktirafan-berganda-selaras-wawasan-2020/> [2 Mac 2020].
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Analisis data dalam penyelidikan kualitatif. *Kertas Kerja Persidangan Penyelidikan Kualitatif Siri 3 2012*. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia, 22-23 Mei.
- Khairulnizam Mat Karim, Khadijah Mohd Khambali & Suzy Aziziyana Saili. 2014. Kefahaman konsep asas dialog antara agama di kalangan ketua agama islam dan kristian di malaysia dan kesannya terhadap hubungan sosial. *Global Journal Al-Thaqafah* 4(1):69–82.
- Kumar, A. & Vithani, T. 2014. A comprehensive mobile application development and testing lifecycle. *IT Professional Conference: Challenges in Information Systems Governance*, hlm. 1-27.
- Lilia Halim. 2017. Improving science literacy through a conductive laboratory learning environment: A proposed model. *Third International Conference on Science and Mathematics Education (CoSMEd)*.
- Lizzi, G., Prosino, S. & Cantoni, L. 2013. Online motor magazines: An opportunity for eTourism? *Information and Communication Technologies in Tourism 2013*. *Proceedings of the International Conference*. Innsbruck, 22-25 Januari.
- MacLeod, N., Shelley, J. & Morrison, A. M. 2018. The touring reader: Understanding the bibliophile’s experience of literary tourism. *Journal of Tourism Management* 67(2018):388–398.
- Malaysian National Commission for Unesco (MNCU). n.d. UNESCO World Book Capital 2020. <https://unesco.org.my/v2/portfolio/unesco-world-book-capital-2020/> [3 Februari 2019].
- Muhammad Sinatra. 2020. Book Capital : A formula for change. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/01/560008/book-capital-formula-change> [3 Februari 2019].
- Nurul Aizam (pngr.). 2016. *Literacity : Fragmen Sastera Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan dan Buku Malaysia & Goethe-Institut Malaysia.
- Oh Ing Yeen. 2018. KL vying to be named World Book Capital. <https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2018/04/04/vying-to-be-named-world-book-capital-city-folk-pledge-support-to-put-kuala-lumpur-on-unesco-map> [3 Februari 2019].
- Padlon Abdul Rahman. 2004. Peranan pusat sumber sekolah (PSS) dalam mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah program Nilam. Laporan akhir projek penyelidikan Universiti Malaya.
- Samsiah Bidin & Azidah Abu Ziden. 2013. Adoption and Application of Mobile Learning in the Education Industry. *Journal of Procedia - Social and Behavioral Sciences* 90(2013):720-729.

- Sazrol Fadzli. 2020. Model simulasi dan visualisasi bagi pembelajaran impak industri kuari kepada alam sekitar. Laporan akhir projek penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Universiti Putra Malaysia. 2019. 5 fakta mengenai Kuala Lumpur World Book Capital 2020(KLWBC2020).https://lib.upm.edu.my/article/5_facts_about_kuala_lumpur_world_book_capital_2020_klwbc_2020-55907 [2 September 2019].
- Universiti Teknologi Malaysia. n.d. Instrumen Kajian. Slaid. Johor : Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Wang, M. Y., Kao, C. C. & Lin, C. F. 2015. The EPCOR model: A model for promoting the successful implementation of evidence-based nursing in hospital-based settings. *Journal of Nursing Research* 23(1):15–24.
- Webster, J. & Watson, R. T. 2002. Analyzing the past to prepare for the future : Writing a literature review. *Journal of MIS Quarterly* 26(2):13-23.
- West, M. & Chew, H. E. 2014. Reading in the mobile era: A study of mobile reading in developing countries. Paris : UNESCO.
- Zainal Rashid Ahmad. 2020. KLWBC 2020: Mustahil semuanya tentang duit, duit dan duit.<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/klwbc-2020-mustahil-semuanya-tentang-duit-duit-dan-duit-230671>[4 April 2020].

Copyright@FTSM
UKM